Anwar mengunjungi Prabowo di kediamannya di Jakarta, Indonesia, kelmarin. **(Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)**

PM optimis Prabowo terus agenda kukuh kerjasama 2 negara

Seri Paduka, PM ucap tahniah atas pelantikan sebagai Presiden Indonesia ke-8

Jakarta: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan, Indonesia di bawah kepemimpinan Presiden Prabowo Subianto sebagai sahabat sejati yang akan memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara.

Perdana Menteri mengadakan pertemuan empat mata dengan Prabowo di kediaman peribadi Presiden Indonesia itu yang terletak di Jakarta Selatan, malam kelmarin.

Pertemuan berlangsung sejurus ketibaan Perdana Menteri atas undangan Kerajaan Indonesia untuk menghadiri Majlis Pelantikan Prabowo sebagai Presiden kelapan republik itu yang berlangsung semalam.

Meskipun bertemu secara santai, kedua-dua pemimpin membincangkan pelbagai isu dan inisiatif memperkukuh kerjasama dua hala dalam pelbagai sektor.

"Malam ini langsung ketemu sahabat sejati dan saudara saya, Bapak Prabowo Subianto.

"Insya-Allah, kami akan bekerja dengan lebih dekat dalam suasana persahabatan, tidak hanya pada peringkat peribadi, tetapi juga pada peringkat kenegaraan yang pasti akan memberi manfaat terbaik kepada rakyat kedua-dua negara," katanya.

Hadiri angkat sumpah

Pagi semalam, Anwar menyertai ketua negara asing dan wakil lain bagi menyaksikan upacara mengangkat sumpah Prabowo sebagai presiden baharu Indonesia yang berlangsung di bangunan Majlis Permusyawaratan Rakyat (MPR) bermula jam 10 pagi.

"Saya mewakili Kerajaan Malaysia menyampaikan ucapan selamat memulai tugas pada sahabat lama saya, Prabowo," kata Anwar kepada media Malaysia di sini semadam.

Anwar turut menyampaikan penghargaan kepada bekas Presiden Joko Widodo atas khidmat beliau selama ini dan mengiktiraf usahanya dalam mengekalkan hubungan baik dua hala antara Malaysia dan Indonesia.

Kehadiran Perdana Menteri di majlis itu mencerminkan komitmen berterusan Malaysia untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama serantau di bawah kepimpinan baharu Prabowo.

Sejak menjawat jawatan pada November 2022, Anwar sentiasa memberi keutamaan kepada Indonesia sebagai rakan diplomatik utama dengan lawatan rasmi pertamanya ke negara itu pada Januari 2023, disusuli dengan penyertaannya di Sidang Kemuncak ASEAN di Labuan Bajo dan Jakarta tahun yang sama.

Selesai menghadiri majlis di bangunan MPR, Perdana Menteri berlepas pulang ke tanah air dari Lapangan Terbang Halim Perdanakusuma pada 1 petang waktu tempatan (2 petang waktu Malaysia).

Sementara itu, Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah, turut berkenan menzahirkan ucapan tahniah kepada Prabowo yang mengangkat sumpah sebagai Presiden Indonesia kelapan semalam.

Ucapan itu dizahirkan baginda menerusi poster khas yang turut, memaparkan gambar Sultan Ibrahim dan Prabowo berjabat tangan, yang dimuat naik di laman Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar. BERNAMA

Prabowo angkat sumpah Presiden Indonesia ke-8

- Dunia 28